

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28 MAY 2016

Tun M harus isytihar calon parti disokong

UM -
28/5/2016

JOHOR BAHRU 27 Mei - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad harus mengisytiharkan calon parti yang disokongnya dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Kuala Kangsar, Perak dan PRK Sungai Besar, Selangor pada 18 Jun ini.

Pengerusi Kelab Penyokong Barisan Nasional (BNBBC), Tan Sri Shahrir Abdul Samad berkata, penjelasan itu perlu kerana pada waktu ini masyarakat keliru dan masih tidak pasti Dr. Mahathir berkempen bagi pihak mana.

Menurutnya, PRK Kuala Kangsar dan Sungai Besar merupakan pentas terbaik bagi bekas Perdana Menteri itu menguji sokongan terhadap beliau dengan meletakkan calon sama ada dengan menubuhkan parti baharu ataupun calon Bebas.

“Ini masa terbaik untuk beliau berbuat demikian. Tubuhkan parti baharu dan le takkan nama contohnya Parti

Deklarasi Rakyat yang katanya sudah mendapat sokongan seramai 1.2 juta rakyat Malaysia.

“Masyarakat pastinya hendak tahu sama ada sokongan melalui kutipan tandatangan itu dapat diterjemahkan kepada bentuk pengundian dalam PRK,” katanya dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan majlis perasmian Jom Belajar Koding Peringkat Negeri Johor 2016 di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), dekat sini hari ini.

Beliau mengulas saranan Dr. Mahathir yang menggesa pengundi menolak Barisan Nasional (BN) dalam dua PRK berkenaan bulan depan.

Shahrir yang juga Ahli Parlimen Johor Bahru berkata, apabila bekas Perdana Menteri itu berbuat demikian, ia akan memberi peluang kepada rakyat terutamanya di kawasan terlibat membuat pilihan secara demokrasi.